



Income Statement for the financial year ended 30th June 2000

	2000	2000	2000
Revenue	3,109.1	10,979.5	10,979.5
Cost of sales	(297.3)	(1,776.5)	(1,776.5)
Gross profit	184.77	1,343.7	1,343.7
Operating expenses	(163)	(578)	(578)
Operating profit	199.77	77.9	77.9
Finance income	19.4	103.5	103.5
Finance expense	(22.3)	(33.5)	(33.5)
Profit before taxation	212	147.9	147.9
Taxation	(38.1)	(85.6)	(85.6)
Profit after taxation	208.5	62.3	62.3
Minority interests	(188.6)	(175.2)	(175.2)
Net profit for the period	220.9	33.1	33.1
Earnings per share - sen	276	15.8	15.8
Earnings per share excluding exceptional items - sen			
Net tangible assets per share - sen			



ANNUAL REPORT

LAPORAN TAHUNAN

2000

- Plantations
- Tyre and related products
- Tractors
- Property Development
- Sure AOK
- Malaysia
- Hong Kong
- Singapore
- India and Papua New Guinea
- China (including Lys Refrigeration)



CONTENTS KANDUNGAN

Notice of Meeting Notis Mesyuarat	2
Group Financial Highlights Maklumat Penting Kewangan Kumpulan	3
Corporate Information Maklumat Korporat	4-6
Audit & Accounts Committee Jawatankuasa Audit & Akaun	7
Chairman's Statement Penyata Pengerusi	8-11
Operations Report Laporan Operasi	12-28
Financial Statements Penyata Kewangan	29-92
Subsidiary And Associated Companies Syarikat-syarikat Subsidiari dan Bersekutu	93-101
List Of Properties Held Senarai Hartanah yang Dimiliki	102-105
Sime Darby Management Team Pasukan Pengurusan Sime Darby	106-108
Analysis of Shareholdings Analisis Pegangan Saham	109
Other Information Maklumat Lain	110
Form Of Proxy Borang Proksi	111-112

THE SIME DARBY GROUP KUMPULAN SIME DARBY

Sime Darby Berhad is Malaysia's leading multinational and one of Southeast Asia's largest conglomerates. Founded in 1910, the Company has grown to become a strong and dynamic international Group with more than 270 operating companies in 23 countries. The Group employs more than 27,000 people and is known for its financial and management capabilities. It is listed on the Main Board of the Kuala Lumpur Stock Exchange with a market capitalisation in excess of US\$2.9 billion as at 30th June 2000.

Sime Darby today has core business activities which include plantations, tyre manufacturing, heavy equipment and motor vehicle distribution, property development, and energy and engineering. While the core businesses are situated in Malaysia, the Group has extensive trading and manufacturing interests in Hong Kong SAR, Singapore and Australia. The Group also operates in Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Thailand, Egypt, People's Republic of China, South Africa, Macau, Vietnam, the Solomon Islands, Papua New Guinea, United Kingdom, New Zealand and the Philippines.

Sime Darby Berhad merupakan syarikat multinasional yang terkemuka di Malaysia dan salah sebuah konglomerat terbesar di Asia Tenggara. Syarikat yang ditubuhkan pada tahun 1910 ini telah berkembang menjadi sebuah Kumpulan antarabangsa yang teguh dan dinamik dengan lebih 270 syarikat yang beroperasi di 23 buah negara. Kumpulan mempunyai lebih daripada 27,000 warga kerja dan terkenal dengan keupayaan kewangan dan pengurusannya. Ia adalah sebuah syarikat yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur dengan modal pasaran melebihi US\$2.9 bilion pada 30hb Jun 2000.

Sime Darby mempunyai aktiviti perniagaan teras yang meliputi perladangan, perkilangan tayar, pengedaran peralatan berat dan kenderaan bermotor, pembangunan hartanah, dan tenaga dan kejuruteraan. Walaupun perniagaan terasnya terletak di Malaysia, Kumpulan mempunyai kepentingan perdagangan dan perkilangan yang ekstensif di Hong Kong SAR, Singapura dan Australia. Kumpulan juga beroperasi di Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Thailand, Mesir, Republik Rakyat China, Afrika Selatan, Macau, Vietnam, Kepulauan Solomon, Papua New Guinea, United Kingdom, New Zealand dan Filipina.

Notice of Meeting ● **Notis Mesyuarat**

DATE : Monday, 6th November 2000
PLACE: Nirwana Ballroom I
Kuala Lumpur Hilton Hotel
Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia

NOTICE IS HEREBY GIVEN that the Twenty-Second Annual General Meeting of Sime Darby Berhad will be held at Nirwana Ballroom I, Kuala Lumpur Hilton Hotel, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia on Monday, 6th November 2000 at 11.30 a.m. for the following purposes:-

AS ORDINARY BUSINESS

- a. To receive and adopt the Directors' Report and the Financial Statements for the year ended 30th June 2000 and the Auditors' Report thereon (Resolution 1)
- b. To declare a final dividend for the year ended 30th June 2000 (Resolution 2)
- c. To re-elect the following Directors:-
Michael Wong Pakshong (Resolution 3)
Michael Wong Kuan Lee (Resolution 4)
Datuk Khatijah binti Ahmad (Resolution 5)
- d. To consider and, if thought fit, pass the following resolution pursuant to Section 129(6) of the Companies Act, 1965:-
"That, pursuant to Section 129(6) of the Companies Act, 1965, Tunku Tan Sri Dato' Seri Ahmad bin Tunku Yahaya be re-appointed a Director of the Company to hold office until the conclusion of the next Annual General Meeting." (Resolution 6)
- e. To increase the annual remuneration fixed for Non-Executive Directors from an amount not exceeding RM750,000 to an amount not exceeding RM1,000,000, in aggregate (Resolution 7)
- f. To re-appoint PricewaterhouseCoopers as Auditors of the Company and to authorise the Directors to fix their remuneration (Resolution 8)

AS SPECIAL BUSINESS

- g. To consider and, if thought fit, pass the following Ordinary Resolution:-
"That, subject always to the Companies Act, 1965, the Articles of Association of the Company and the approvals of the relevant governmental/regulatory authorities, the Directors be and are hereby authorised, pursuant to Section 132D of the Companies Act, 1965, to allot and issue shares in the Company at any time until the conclusion of the next Annual General Meeting and upon such terms and conditions and for such purposes as the Directors may, in their absolute discretion, deem fit provided that the aggregate number of shares to be issued does not exceed ten per centum of the issued share capital of the Company for the time being." (Resolution 9)

By Order of the Board
Martin G. Manen
Group Secretary

Kuala Lumpur
13th October 2000

Note

A member of the Company entitled to attend and vote at this meeting is also entitled to appoint one or more proxies to attend and vote in his stead. A proxy need not be a member of the Company. A Form of Proxy is enclosed herewith and should be completed and deposited at the Registered Office of the Company or at the office of the Share Registrar of the Company not less than 48 hours before the time fixed for the meeting.

EXPLANATION NOTE

Resolution pursuant to Section 132D of the Companies Act, 1965

The Company continues to consider opportunities to broaden the operating base and earnings potential of the Company. If any of the expansion/diversification proposals involves the issue of new shares, the Directors, under present circumstances, would have to convene a general meeting to approve the issue of new shares even though the number involved may be less than 10% of the issued capital.

In order to avoid any delay and costs involved in convening a general meeting to approve such issue of shares, it is thus considered appropriate that the Directors be empowered to issue shares in the Company, up to an amount not exceeding in total 10% of the issued share capital of the Company for the time being, for such purpose. This authority, unless revoked or varied at a general meeting, will expire at the next Annual General Meeting of the Company.

TARIKH : Isnin, 6hb November 2000
TEMPAT : Nirwana Ballroom I
Hotel Hilton Kuala Lumpur
Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia

DENGAN INI DIMAKLUMKAN bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Sime Darby Berhad yang ke Dua Puluh Dua akan diadakan di Nirwana Ballroom I, Hotel Hilton Kuala Lumpur, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia pada hari Isnin, 6hb November 2000 jam 11.30 pagi untuk tujuan-tujuan berikut:-

SEBAGAI URUSAN BIASA

- a. Menerima dan meluluskan Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 30hb Jun 2000 serta Laporan Juruaudit mengenainya (Resolusi 1)
- b. Mengumumkan pembayaran dividen akhir bagi tahun berakhir 30hb Jun 2000 (Resolusi 2)
- c. Memilih semula Pengarah-pengarah berikut:-
Michael Wong Pakshong (Resolusi 3)
Michael Wong Kuan Lee (Resolusi 4)
Datuk Khatijah binti Ahmad (Resolusi 5)
- d. Menimbangkan dan, jika didapati wajar, meluluskan resolusi berikut menurut Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965:-
"Bahawa, menurut Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965, Tunku Tan Sri Dato' Seri Ahmad bin Tunku Yahaya dengan ini dilantik semula sebagai Pengarah Syarikat untuk memegang jawatan sehingga berakhir Mesyuarat Agung Tahunan yang berikutnya." (Resolusi 6)
- e. Menambah bayaran tahunan yang ditetapkan bagi Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif daripada satu jumlah yang tidak melebihi RM750,000 kepada satu jumlah yang tidak melebihi RM1,000,000, dalam agregat (Resolusi 7)
- f. Melantik semula PricewaterhouseCoopers sebagai Juruaudit Syarikat dan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan bayaran mereka (Resolusi 8)

SEBAGAI URUSAN KHAS

- g. Menimbangkan dan, jika didapati wajar, meluluskan Resolusi Biasa berikut:-
"Bahawa, sentiasa tertakluk kepada Akta Syarikat, 1965, Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan kelulusan pihak berkuasa kerajaan/penguatkuasa peraturan berkaitan, para Pengarah adalah dan dengan ini diberi kuasa selaras dengan Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965 untuk memperumpuk dan menerbitkan saham dalam Syarikat pada sebarang masa sehingga berakhir Mesyuarat Agung Tahunan yang berikutnya dan menurut terma-terma dan syarat-syarat tertentu dan bagi tujuan tertentu menurut pertimbangan mutlak para Pengarah seperti yang mereka fikirkan sesuai asalkan bilangan agregat saham yang akan diterbitkan tidak melebihi sepuluh peratus daripada modal saham yang diterbitkan Syarikat pada masa itu." (Resolusi 9)

Dengan Perintah Lembaga Pengarah
Martin G. Manen
Setiausaha Kumpulan

Kuala Lumpur
13hb Oktober 2000

Catatan

Ahli Syarikat yang berhak menghadiri dan mengundi di mesyuarat ini juga berhak melantik proksi atau proksi-proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihaknya. Proksi tidak semestinya seorang ahli Syarikat. Borang Proksi ada disertakan bersama-sama ini dan hendaklah disempurnakan dan dikembalikan kepada Pejabat Berdaftar Syarikat atau pejabat Pendaftaran Saham Syarikat tidak lewat dari 48 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi mesyuarat.

NOTA PENJELASAN

Resolusi selaras Seksyen 132D, Akta Syarikat, 1965


Syarikat sentiasa mengkaji berbagai peluang bagi memperluaskan asas operasi dan potensi pendapatannya. Jika sebarang cadangan pengembangan/pembelakangan tersebut melibatkan terbitan saham-saham baru, para Pengarah, mengikut keadaan sekarang, dikehendaki mengadakan mesyuarat agung untuk meluluskan terbitan saham baru tersebut walaupun jumlah yang terlibat mungkin kurang daripada 10% modal diterbitkan.

Untuk mengelakkan sebarang kelewatan dan kos yang terlibat dalam menganjurkan mesyuarat agung bagi meluluskan sesuatu terbitan saham bagi tujuan tersebut, adalah dianggap sesuai bagi para Pengarah diberi kuasa untuk menerbitkan saham-saham di dalam Syarikat, hingga ke satu jumlah yang tidak melebihi 10% modal saham yang diterbitkan Syarikat pada masa itu. Kuasa ini, kecuali dituliskan atau diubah di mesyuarat agung, akan luput pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang berikutnya.

Group Financial Highlights ● Maklumat Penting Kewangan Kumpulan

RM Million/RM Juta	2000	1999	1998	1997	1996	1995	1994
Gross Revenue/ Hasil Kasar	10,971.5	9,910.5	12,075.8	13,236.0	10,779.7	9,394.2	8,212.5
Profit/(Loss) Before Taxation/ Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai	1,199.1	1,018.2	(70.7)	1,681.2	1,367.1	973.8	956.0
Net Profit/(Loss)/ Keuntungan/(Kerugian) Bersih	769.5	821.8	(540.9)	815.4	692.6	527.1	484.1
Net Profit excluding exceptional items/ Keuntungan Bersih tidak termasuk perkara terkecuali	622.3	727.2	682.1	835.8	682.5	569.2	449.7
Shareholders' Funds/ Dana Pemegang Saham	6,418.0	6,152.3	5,860.8	5,752.8	5,527.1	4,661.3	3,423.2

Sen per share/Sen sesaham	2000	1999	1998	1997	1996	1995	1994
Earnings/(Loss) per Share/ Pendapatan/(Kerugian) Sesaham	33.1	35.3	(23.3)	35.1	30.9	25.4	25.7
Earnings per Share excluding exceptional items/Pendapatan Sesaham tidak termasuk perkara terkecuali	26.8	31.3	29.3	35.9	30.4	27.4	23.9
Dividends per Share – Net/ Dividen Sesaham – Bersih	17.0	16.0	2.9	16.8	14.8	15.0	15.0





FRONT ROW : left to right / BARISAN HADAPAN: kiri ke kanan

Tan Sri Abu Talib bin Othman, Martin Smith Berry, Tan Sri Nik Mohamed bin Nik Yaacob, Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Tunku Tan Sri Dato' Seri Ahmad bin Tunku Yahaya, Raja Tan Sri Muhammad Alias bin Raja Muhammad Ali

BACK ROW : left to right / BARISAN BELAKANG: kiri ke kanan

Dr David Li Kwok Po, Datuk Khatijah binti Ahmad, Michael Wong Pakshong, Dato' Mohamed Azman bin Yahya, Martin G Manen
Not present/Tidak hadir: Michael Wong Kuan Lee

Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid
P.M.N., S.P.M.P., D.G.S.M., S.S.M.T., S.P.N.S., S.P.D.K., S.S.S.A.,
D.P.C.M., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.T., J.M.N., S.M.P., P.J.K.
(Non-Executive Chairman/Pengerusi Bukan Eksekutif)

Tunku Tan Sri Dato' Seri Ahmad bin Tunku Yahaya
P.S.M., S.S.D.K., D.S.D.K., J.M.N., J.S.D.
(Independent Non-Executive Deputy Chairman/
Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas)

Tan Sri Nik Mohamed bin Nik Yaacob
P.S.M., P.J.N.
(Group Chief Executive/Ketua Eksekutif Kumpulan)

Martin Smith Berry
(Group Finance Director/Pengarah Kewangan Kumpulan)

Tan Sri Abu Talib bin Othman
P.M.N., P.S.M., S.I.M.P., S.S.S.A., D.G.S.M., D.P.M.S., D.M.P.N.,
D.C.S.M., J.S.M., K.M.N., P.P.T.
(Independent Non-Executive Director/Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)

Datuk Khatijah binti Ahmad
P.J.N.
(Independent Non-Executive Director/Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)

Dr David Li Kwok Po
O.B.E., J.P.
(Independent Non-Executive Director/Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)

Dato' Mohamed Azman bin Yahya
D.I.M.P.
(Independent Non-Executive Director/Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)

Raja Tan Sri Muhammad Alias bin Raja Muhammad Ali
P.S.M.
(Independent Non-Executive Director/Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)

Michael Wong Kuan Lee
J.M.N.
(Independent Non-Executive Director/Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)

Michael Wong Pakshong
(Independent Non-Executive Director/Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)

SECRETARY/SETIAUSAHA
Martin G Manen (Group Secretary/Setiausaha Kumpulan)

AUDITORS/JURUAUDIT
PricewaterhouseCoopers

REGISTERED OFFICE/PEJABAT BERDAFTAR
21st Floor, Wisma Sime Darby
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur, Malaysia
Telephone: 603-26914122 Telefax: 603-26987398
Web Site: <http://www.simenet.com>
E-Mail: enquiries@simenet.com

SHARE REGISTRAR/PENDAFTAR SAHAM
Share Registration Office
20th Floor, Wisma Sime Darby
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur, Malaysia

TAN SRI DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID

YBhg Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, 62, was appointed Director and Chairman of Sime Darby Berhad in 1998. Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji holds a Bachelor of Arts (Hons.) Degree from University of Malaya, a Diploma in Public Administration from The Institute of Social Studies, The Hague, a Master's Degree in Public Administration from Harvard University, the United States of America, and Honorary Degrees of Doctor of Science (Management) from Universiti Utara Malaysia, Doctor of Business Administration from Nottingham - Trent University, United Kingdom and Doctor of Letters from University Malaysia Sarawak. His post prior to his retirement in 1996 from Government service was as Head of the Civil Service and Secretary to the Cabinet when he held the position of the Chief Secretary to the Government. He is currently the Chairman of various companies, amongst others, Permodalan Nasional Berhad, Golden Hope Plantations Berhad, Malaysian Industrial Development Finance Berhad and MNI Holdings Berhad.

YBhg Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, 62 tahun, dilantik sebagai Pengarah dan Pengerusi Sime Darby Berhad dalam tahun 1998. Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji memegang Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya, Diploma Pentadbiran Awam dari The Institute of Social Studies, The Hague, Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dari Harvard University, Amerika Syarikat, Ijazah Kehormat Doktor Sains (Pengurusan) dari Universiti Utara Malaysia, Ijazah Kehormat Doktor Pentadbiran Perniagaan dari Nottingham - Trent University, United Kingdom dan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan dari Universiti Malaysia Sarawak. Jawatan beliau sebelum bersara dari perkhidmatan Kerajaan dalam tahun 1996 adalah sebagai Ketua Perkhidmatan Awam dan Setiausaha Kabinet ketika beliau memegang jawatan Ketua Setiausaha Negara. Beliau kini merupakan Pengerusi beberapa buah syarikat, antaranya, Permodalan Nasional Berhad, Golden Hope Plantations Berhad, Malaysian Industrial Development Finance Berhad dan MNI Holdings Berhad.

TUNKU TAN SRI DATO' SERI AHMAD BIN TUNKU YAHAYA

YM Tunku Tan Sri Dato' Seri Ahmad Yahaya, 71, is currently Deputy Chairman of Sime Darby Berhad having previously served as Group Chief Executive of the Sime Darby Group from 1979 to 1993. YM Tunku Tan Sri Dato' Seri Ahmad remains on the Board of a number of the Group's public-listed companies namely DMIB Berhad, Tractors Malaysia Holdings Berhad and Sime Darby Hong Kong Limited. YM Tunku Tan Sri Dato' Seri Ahmad is an honours graduate in Economics from the University of Bristol and a Certified Accountant. He joined Dunlop Malaysian Industries Berhad in 1962 and served as Managing Director from 1973 until 1978 when he left to join Sime Darby Berhad. He was a director for the Malaysian Central Bank for 28 years before retiring in 1995 and was the first Chairman of the Malaysian External Trade Development Corporation. He is a member of the Commonwealth Business Council and a founder member of the Malaysian Business Council.

Selepas berkhidmat sebagai Ketua Eksekutif Kumpulan Sime Darby Berhad dari tahun 1979 hingga 1993, kini YM Tunku Tan Sri Dato' Seri Ahmad Yahaya, 71 tahun, menyandang jawatan sebagai Timbalan Pengerusi Sime Darby Berhad. Beliau masih kekal sebagai ahli Lembaga Pengarah di beberapa syarikat senarai awam Kumpulan iaitu DMIB Berhad, Tractors Malaysia Holdings Berhad dan Sime Darby Hong Kong Limited. YM Tunku Tan Sri Dato' Seri Ahmad adalah seorang lulusan ijazah kepujian dalam bidang Ekonomi dari University of Bristol dan seorang Akauntan Bertauliah. Beliau menyertai Dunlop Malaysian Industries Berhad pada tahun 1962 dan berkhidmat sebagai Pengarah Urusan dari tahun 1973 hingga 1978 sebelum menyertai Sime Darby Berhad. Beliau berkhidmat sebagai seorang pengarah Bank Negara Malaysia selama 28 tahun sebelum bersara pada tahun 1995 dan telah menyandang jawatan sebagai Pengerusi pertama Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia. Beliau adalah seorang ahli Majlis Perniagaan Komanwel dan ahli pengasas Majlis Perniagaan Malaysia.

TAN SRI NIK MOHAMED BIN NIK YAACOB

YBhg Tan Sri Nik Mohamed, 51, a mechanical engineer, was appointed Regional Director, Malaysia Region in 1988. He was the Director of Operations - Malaysia from 1990 and joined the Board of Sime Darby Berhad later that year. He was appointed Group Chief Executive in 1993.

YBhg Tan Sri Nik Mohamed, 51 tahun, seorang jurutera mekanikal, telah dilantik sebagai Pengarah Rantauan, Rantau Malaysia dalam tahun 1988. Beliau menjadi Pengarah Operasi - Malaysia sejak tahun 1990 dan kemudian menyertai Lembaga Pengarah Sime Darby Berhad dalam tahun tersebut. Dalam tahun 1993, beliau dilantik sebagai Ketua Eksekutif Kumpulan.

MARTIN SMITH BERRY

Mr Berry, 65, a Chartered Accountant, has spent most of his career outside the United Kingdom with international groups. He was the Group Finance Director from 1982 until 1994 when he assumed the position of Director - Corporate Development. In 1997, he was relocated to the United Kingdom to oversee the Group's operations in the United Kingdom and the United States of America with specific responsibility as the Managing Director of Lec Refrigeration plc. He was re-appointed Group Finance Director in 1998.

Encik Berry, 65 tahun, merupakan seorang Akauntan Berkanun. Sebahagian besar tempoh kerjaya beliau adalah dengan kumpulan syarikat-syarikat antarabangsa di luar United Kingdom. Beliau menjadi Pengarah Kewangan Kumpulan sejak tahun 1982 hingga 1994 apabila beliau menyandang jawatan Pengarah - Pembangunan Korporat. Dalam tahun 1997, beliau berpindah ke United Kingdom untuk mengawal operasi Kumpulan di United Kingdom dan Amerika Syarikat, dengan tanggungjawab khusus sebagai Pengarah Urusan Lec Refrigeration plc. Beliau telah dilantik semula sebagai Pengarah Kewangan Kumpulan dalam tahun 1998.

TAN SRI ABU TALIB BIN OTHMAN

YBhg Tan Sri Abu Talib, 61, has served in various capacities in the Judicial and Legal Service of the Government of Malaysia. He was the Attorney-General of Malaysia from 1980 to his retirement in October 1993. YBhg Tan Sri Abu Talib serves as Chairman and Director of various public and private companies. He was appointed to the Board of Sime Darby Berhad in 1998.

YBhg Tan Sri Abu Talib, 61 tahun, pernah memegang beberapa jawatan dalam bidang Kehakiman dan Perundangan Kerajaan Malaysia. Beliau merupakan Peguam Negara mulai 1980 sehingga persaraan beliau dalam bulan Oktober 1993. YBhg Tan Sri Abu Talib merupakan Pengerusi dan Pengarah berbagai syarikat awam dan swasta. Beliau dilantik sebagai Pengarah Sime Darby Berhad dalam tahun 1998.



Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid



Tunku Tan Sri Dato' Seri Ahmad bin Tunku Yahaya



Tan Sri Nik Mohamed bin Nik Yaacob



Martin Smith Berry



Tan Sri Abu Talib bin Othman



Datuk Khatijah binti Ahmad

DATUK KHATIJAH BINTI AHMAD

YBhg Datuk Khatijah, 60, is the Executive Chairman of the KAF Group of Companies. She was appointed to the Board of Sime Darby Berhad in 1997. She sits on the board of directors of a number of multinational companies and is a member of various business councils.

YBhg Datuk Khatijah, 60 tahun, merupakan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Syarikat-syarikat KAF. Beliau dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Sime Darby Berhad dalam tahun 1997. Beliau merupakan ahli lembaga pengarah beberapa syarikat multinasional dan juga ahli beberapa majlis perniagaan.

DR DAVID LI KWOK PO

A Cambridge University Economics and Law graduate and a Fellow of both the Institute of Chartered Accountants and the Institute of Bankers, Dr Li, 61, is the Chairman and the Chief Executive of The Bank of East Asia Ltd. Amongst his many appointments, he is a member of the Legislative Council of the Hong Kong Special Administrative Region, and has served as a Legislative Councillor since 1985. He is a member of the board of directors of several companies in Hong Kong, including Sime Darby Hong Kong Limited, and was appointed to the Board of Sime Darby Berhad in 1992.

Seorang siswazah Ekonomi dan Undang-Undang Universiti Cambridge dan Fellow Institute of Chartered Accountants dan Institute of Bankers, Dr Li, 61 tahun, merupakan Pengerusi dan Ketua Eksekutif The Bank of East Asia Ltd. Di antara berbagai jawatan yang disandangnya ialah ahli Majlis Perundangan Kawasan Pentadbiran Khas Hong Kong dan beliau telah berkhidmat sebagai ahli Majlis Perundangan sejak 1985. Beliau merupakan ahli lembaga pengarah beberapa syarikat di Hong Kong, termasuk Sime Darby Hong Kong Limited, dan telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Sime Darby Berhad dalam tahun 1992.



Dr David Li Kwok Po

DATO' MOHAMED AZMAN BIN YAHYA

YBhg Dato' Mohamed Azman, 36, is an Economics graduate from the London School of Economics and a member of the Institute of Chartered Accountants in England and Wales and the Malaysian Institute of Accountants. He is currently the Managing Director of Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, the national asset management company of Malaysia. He has previously held the position of Chief Executive of Amanah Merchant Bank and Group Executive Director of Amanah Capital. He also serves as a member of the technical panel of the Malaysian Institute of Accountants and is a member of the Malaysian banking reform steering committee. He was appointed to the Board of Sime Darby Berhad in 1998.

YBhg Dato' Mohamed Azman, 36 tahun, adalah graduan Ekonomi daripada London School of Economics dan ahli Institute of Chartered Accountants in England and Wales dan Institut Akauntan Malaysia. Kini beliau memegang jawatan sebagai Pengarah Urusan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, syarikat pengurusan aset nasional Malaysia. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Ketua Eksekutif Amanah Merchant Bank dan Pengarah Eksekutif Kumpulan Amanah Capital. Beliau berkhidmat sebagai ahli panel teknikal Institut Akauntan Malaysia dan adalah seorang ahli jawatankuasa pemandu penyusunan semula sektor perbankan Malaysia. Beliau dilantik sebagai Pengarah Sime Darby Berhad dalam tahun 1998.



Dato' Mohamed Azman bin Yahya

RAJA TAN SRI MUHAMMAD ALIAS BIN RAJA MUHAMMAD ALI

YM Raja Tan Sri Muhammad Alias, 68, is the Chairman of Felda and a director of several other companies. He was appointed to the Board of Sime Darby Berhad in 1998.

YM Raja Tan Sri Muhammad Alias, 68 tahun, merupakan pengerusi Felda dan juga adalah pengarah beberapa buah syarikat lain. Beliau dilantik sebagai Pengarah Sime Darby Berhad dalam tahun 1998.



Raja Tan Sri Muhammad Alias bin Raja Muhammad Ali

MICHAEL WONG KUAN LEE

Mr Wong, 62, is a consultant with a legal firm in Malaysia and a director of several companies. Amongst his many appointments, he has served as a Senator in the Malaysia Parliament and as a director of the Central Bank of Malaysia. He was appointed to the Board of Sime Darby Berhad in 1991.

Encik Wong, 62 tahun, merupakan seorang perunding dengan sebuah firma guaman di Malaysia dan pengarah dalam beberapa buah syarikat. Beliau pernah menjadi Senator dalam Parlimen Malaysia dan pengarah Bank Negara Malaysia. Beliau dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Sime Darby Berhad dalam tahun 1991.



Michael Wong Kuan Lee

MICHAEL WONG PAKSHONG

Mr Wong, 69, a Chartered Accountant, was formerly the Managing Director of the Monetary Authority of Singapore. He is also the Chairman of Sime Singapore Limited and a member of the board of directors of several other companies in Malaysia and Singapore. He has served on the Board of Sime Darby Berhad since 1981.

Encik Wong, 69 tahun, seorang Akauntan Berkanun, pernah bertugas sebagai Pengarah Urusan Monetary Authority of Singapore. Beliau juga merupakan Pengerusi Sime Singapore Limited dan ahli lembaga pengarah beberapa buah syarikat lain di Malaysia dan Singapura. Beliau telah berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Sime Darby Berhad sejak tahun 1981.



Michael Wong Pakshong

The Audit & Accounts Committee of Sime Darby Berhad was established by a resolution of the Board on 12th October 1981. The Committee presently comprises the following directors:-

Raja Tan Sri Muhammad Alias bin Raja Muhammad Ali
(Independent Non-Executive Chairman of the Committee)

Tunku Tan Sri Dato' Seri Ahmad bin Tunku Yahaya
(Independent Non-Executive Director)

Tan Sri Nik Mohamed bin Nik Yaacob
(Group Chief Executive)

Datuk Khatijah binti Ahmad
(Independent Non-Executive Director)

Dato' Mohamed Azman bin Yahya
(Independent Non-Executive Director)

Michael Wong Pakshong
(Independent Non-Executive Director)

The terms of reference of the Committee are as follows:-

MEMBERSHIP

The Committee shall be appointed by the Board from amongst their number and shall consist of not less than three members, a majority of whom shall be independent non-executive directors. The Chairman of the Committee shall be an independent non-executive director appointed by the Board.

MEETINGS AND MINUTES

Meetings shall be held not less than three times a year. A quorum shall be two independent non-executive directors. Minutes of each meeting shall be kept and distributed to each member of the Committee and of the Board. The Chairman of the Committee shall report on each meeting to the Board. The Secretary to the Committee shall be the Company Secretary.

AUTHORITY

The Committee is authorised by the Board to investigate any activity within its terms of reference and shall have unrestricted access to both the internal and external auditors and to all employees of the Group. The Committee is also authorised by the Board to obtain external legal or other independent professional advice as necessary.

DUTIES

The duties of the Committee shall be:-

- a. to review the audit plans with the internal and external auditors and to ensure co-ordination between the auditors;
- b. to review the audit reports with the auditors;
- c. to review the evaluation of the system of internal accounting control with the auditors;
- d. to review the assistance given by the Company's and the Group's officers to the auditors;
- e. to review the financial statements of the Company and the Group and thereafter to submit them to the Board;
- f. to review any related party transaction within the Company or the Group;
- g. to consider the nomination of a person or persons as auditors; and
- h. any such other functions as may be agreed to by the Committee and the Board.

Jawatankuasa Audit & Akaun Sime Darby Berhad telah ditubuhkan melalui satu resolusi oleh Lembaga Pengarah pada 12hb Oktober 1981. Jawatankuasa ini kini terdiri daripada para pengarah berikut:-

Raja Tan Sri Muhammad Alias bin Raja Muhammad Ali
(Pengerusi Jawatankuasa Bukan Eksekutif Bebas)

Tunku Tan Sri Dato' Seri Ahmad bin Tunku Yahaya
(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)

Tan Sri Nik Mohamed bin Nik Yaacob
(Ketua Eksekutif Kumpulan)

Datuk Khatijah binti Ahmad
(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)

Dato' Mohamed Azman bin Yahya
(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)

Michael Wong Pakshong
(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)

Asas rujukan Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:-

KEAHLIAN

Jawatankuasa ini akan dilantik oleh Lembaga Pengarah daripada kalangan mereka dan akan mengandungi tidak kurang daripada tiga orang ahli yang majoritinya merupakan pengarah bukan eksekutif bebas. Pengerusi Jawatankuasa ini adalah seorang pengarah bukan eksekutif bebas yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.

MESYUARAT DAN MINIT

Mesyuarat akan diadakan tidak kurang daripada tiga kali setahun. Korum akan terdiri daripada dua pengarah bukan eksekutif bebas. Minit setiap mesyuarat akan dicatat dan diedarkan kepada setiap ahli Jawatankuasa dan Lembaga Pengarah. Pengerusi Jawatankuasa akan memberi laporan tentang setiap mesyuarat kepada Lembaga Pengarah. Setiausaha Syarikat akan menjadi Setiausaha kepada Jawatankuasa ini.

KUASA

Jawatankuasa ini diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyalurkan sebarang aktiviti dalam lingkungan asas rujukannya dan mempunyai hak tanpa halangan untuk menghubungi juruaudit dalaman dan luaran serta semua kakitangan Kumpulan. Jawatankuasa ini juga diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan khidmat nasihat perundangan luar atau khidmat nasihat profesional bebas jika diperlukan.

TUGAS

Tugas Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:-

- a. untuk mengkaji rancangan audit dengan juruaudit dalaman dan luaran dan untuk memastikan koordinasi di antara juruaudit-juruaudit;
- b. untuk mengkaji laporan audit dengan para juruaudit;
- c. untuk mengkaji penilaian sistem kawalan perakaunan dalaman dengan para juruaudit;
- d. untuk mengkaji bantuan yang diberikan oleh para pegawai Syarikat dan Kumpulan kepada para juruaudit;
- e. untuk mengkaji penyata kewangan Syarikat dan Kumpulan, dan kemudian menyampaikannya kepada Lembaga Pengarah;
- f. untuk mengkaji sebarang urusan pihak berkaitan dalam Syarikat atau Kumpulan;
- g. untuk menimbang penamaan orang atau orang-orang sebagai juruaudit; dan
- h. sebarang fungsi lain seumpamanya menurut persetujuan Jawatankuasa dan Lembaga Pengarah.

Chairman's Statement Penyata Pengerusi



Directors

Mr Ricardo J Romulo, who was appointed to the Board of Directors in 1986, declined re-election and retired from the Board in November 1999 with our sincere thanks for his contribution to the company during his tenure.

Para Pengerah

Encik Ricardo J Romulo yang dilantik sebagai ahli Lembaga Pengerah pada tahun 1986 telah menolak perlantikan semula dan bersara daripada Lembaga Pengerah pada bulan November 1999. Justeru itu, kami ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih di atas sumbangan beliau kepada Syarikat sepanjang tempoh perkhidmatan beliau.

Operations

I am pleased to be able to report that the Group achieved a profit before tax of RM1,199 million for the year, representing an increase of 18% over the figure for the previous year. The increase was achieved in spite of a 57% decline in operating profit of the Plantations Division, thus reflecting the strength, resilience and diversity of the Group's core businesses. It is also a testimony to the ability of the management of the Group which, with a firm control over costs and the use of capital, has positioned the Group's businesses to be able to capitalise on the opportunities in the market place as regional economies recover.

The growth during the year came mainly from the Group's operating divisions in Malaysia, other than Plantations, reflecting the strong resurgence of economic activity in the country following the introduction of exchange controls and lower interest rates in the previous year. Of the profit before exceptional items of RM955 million recorded in the year, the total profit from Malaysian operations other than Plantations was RM450 million against RM172 million the previous year.

The subordinated loan to SimeSecurities Sdn Bhd ("SimeSecurities") of RM150 million which was wholly provided for in the accounts last year has been written off following confirmation by Bank Negara Malaysia on 3rd April 2000 that SimeSecurities is insolvent by an amount which exceeds the value of the loan.

In February/March 2000, a profit of RM86 million was made from the sale of the 63.1% Group interest in Sime AXA Sdn Bhd. In January 2000, the Group's stake in Port Dickson Power Berhad was increased to 60% by the acquisition of an additional 20% of the equity at a cost of RM136 million.

The Group remains sound financially with net cash of RM1,158 million after investing over RM700 million in bonds during the period from February to April 2000. The Group continues to look for investment opportunities, the primary targets being acquisitions which complement or increase our involvement in the core businesses of the Group.

The fall in profits from the Plantations Division was due to the lower average selling price of palm oil of RM1,190 a tonne this year against RM1,997 a tonne last year. Mechanical harvesting was introduced during the year and nearly half of the crop was collected by this method. It is planned to harvest over 75% of the crop mechanically in the coming year which will further increase efficiency through a substantial reduction in manual labour.

Sales of tyres rose sharply with increased demand in all market segments. Costs and the use of capital remained under control, enabling profits to rise to the level achieved in 1998 after disappointing results last year.

The results of the Malaysian Heavy Equipment and Motor Vehicle Distribution businesses reflect an increase in sales of heavy equipment and parts to both the logging and construction markets and a higher demand for motor vehicles, particularly in the second half of the year which was similar to that prior to the June 1997 economic crisis. With costs rising moderately, profits were broadly equal to pre June 1997 levels.

Operasi

Saya berasa bangga kerana dapat melaporkan bahawa pada tahun ini, Kumpulan mencapai keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1,199 juta, melonjak sebanyak 18% berbanding pencapaian pada tahun sebelumnya. Prestasi bertambah baik ini walaupun dengan penyusutan keuntungan operasi Bahagian Perladangan sebanyak 57%, menggambarkan keteguhan, kemantapan dan kepelbagaian perniagaan teras Kumpulan. Ia juga membuktikan bahawa melalui kawalan kos dan penggunaan modal yang teliti, pengurusan berupaya menempatkan perniagaan-perniagaan Kumpulan untuk merebut berbagai peluang di pasaran sebaik sahaja ekonomi serantau pulih.

Pertumbuhan pada tahun ini terbit terutamanya daripada bahagian-bahagian operasi Kumpulan di Malaysia, selain daripada Perladangan dan ini menggambarkan kebangkitan semula aktiviti ekonomi negara berikutan pengenalan kawalan matawang dan kadar faedah yang rendah pada tahun lepas. Daripada keuntungan sebelum perkara terkecuali berjumlah RM955 juta yang dicatatkan pada tahun ini, operasi Malaysia selain daripada Perladangan menyumbangkan keuntungan sebanyak RM450 juta berbanding RM172 juta pada tahun sebelumnya.

Pinjaman subordinat kepada SimeSecurities Sdn Bhd ("SimeSecurities") sebanyak RM150 juta yang diperuntukkan sepenuhnya dalam akaun tahun lepas telah dilupuskan berikutan pengesahan Bank Negara Malaysia pada 3hb April 2000 tentang ketidakmampuan SimeSecurities untuk membayar pada jumlah melebihi nilai pinjaman tersebut.

Penjualan sebanyak 63.1% kepentingan Kumpulan dalam Sime AXA Sdn Bhd pada bulan Februari/Mac 2000 telah menghasilkan keuntungan sebanyak RM86 juta. Kepentingan Kumpulan dalam Port Dickson Power Berhad meningkat kepada 60% melalui pengambilalihan kepentingan ekuiti tambahan sebanyak 20% di dalam syarikat tersebut pada kos RM136 juta pada bulan Januari 2000.

Kedudukan kewangan Kumpulan kekal teguh dengan nilai tunai bersih berjumlah RM1,158 juta selepas melabur sebanyak lebih RM700 juta di pasaran bon sepanjang tempoh dari bulan Februari hingga April 2000. Kumpulan terus mencari lebih banyak peluang pelaburan dan sasaran utamanya ialah pengambilalihan yang melengkapi atau menambah pelaburan dalam perniagaan teras Kumpulan.

Keuntungan Bahagian Perladangan susut disebabkan oleh pengurangan harga jualan purata minyak sawit kepada RM1,190 setiap tan tahun ini berbanding RM1,997 setiap tan pada tahun lepas. Penuaian mekanikal telah diperkenalkan pada tahun ini dan hampir setengah daripada tanaman telah dikutip melalui kaedah ini. Rancangan telah diatur untuk menuai lebih 75% tanaman secara mekanikal pada tahun depan yang akan menyaksikan peningkatan kecekapan melalui pengurangan ketara penggunaan tenaga buruh secara manual.

Pertambahan permintaan dalam semua segmen pasaran telah membolehkan jualan tayar melonjak dengan ketara. Kos dan penggunaan modal yang kekal terkawal membolehkan keuntungan meningkat ke tahap yang dicapai pada tahun 1998 selepas mencatatkan keputusan yang mengecewakan pada tahun lepas.

Keputusan perniagaan Peralatan Berat dan Pengedaran Kenderaan Bermotor Malaysia mencerminkan peningkatan jualan peralatan berat dan alat ganti ke pasaran pembalakan dan pembinaan serta pertambahan permintaan untuk kenderaan bermotor, terutamanya pada setengah tahun kedua, menyamai pencapaian sebelum tempoh krisis ekonomi pada bulan Jun 1997. Dengan kenaikan kos yang sederhana, keuntungan yang dicapai secara purata menyamai tahap keuntungan yang dicapai sebelum bulan Jun 1997.

**ANALYSIS OF PROFIT BEFORE TAXATION/
ANALISIS KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI**

Divisions/Regions/ <i>Bahagian/Rantau</i> (Amounts in RM million/ <i>Jumlah dalam RM juta</i>)	2000	%	1999	%
Plantations/ <i>Perladangan</i>	131.4	13.8	305.2	41.1
Tyre Manufacturing/ <i>Perkilangan Tayar</i>	66.6	7.0	21.8	2.9
Heavy Equipment & Motor Vehicle Distribution/ <i>Pengedaran Peralatan Berat & Kenderaan Bermotor</i>	99.1	10.4	8.0	1.1
Property Development/ <i>Pembangunan Hartanah</i>	142.7	14.9	103.4	13.9
Insurance/ <i>Insurans</i>	12.5	1.3	31.0	4.2
Malaysia	129.3	13.5	7.8	1.1
Hong Kong	120.2	12.6	71.6	9.6
Singapore/ <i>Singapura</i>	140.7	14.7	82.4	11.1
Australia	127.4	13.3	148.9	20.1
Philippines (including Lec Refrigeration)/ <i>Filipina (termasuk Lec Refrigeration)</i>	(14.6)	(1.5)	(37.5)	(5.1)
	955.3	100.0	742.6	100.0
Exceptional items/ <i>Perkara terkecuali</i>	153.5		155.8	
Investment and interest income (net)/ <i>Pendapatan pelaburan dan faedah (bersih)</i>	90.3		119.8	
Profit before taxation/ <i>Keuntungan sebelum cukai</i>	1,199.1		1,018.2	

With the improvement in consumer confidence, greater availability of financing and lower interest rates, demand for the Group's new housing units was strong throughout the year in which over 2,000 units were sold. A final review of cost provisions enabled RM51 million to be released which boosted profits to a higher figure than that achieved last year.

Profits from insurance amounting to RM12 million are for the period of ownership prior to the sale of the business in February/March 2000.

Port Dickson Power Berhad ("PDP") contributed RM24 million to profits before the Group acquired an additional 20% equity interest on 31st January 2000, thereby making it a 60% owned subsidiary company. All the profit before taxation of PDP of RM44 million were consolidated into the Group's results in the remaining months to 30th June 2000. The engineering companies made profits during the year, and the new management team has secured new contract orders for the future. Generally, the other operating units of Malaysia Region responded to the improving economic environment and reported improved results.

The weak property market in Hong Kong continues to affect our business there. In that highly competitive market, the Group's operations nevertheless did well to report higher profits. Trade with the People's Republic of China increased and further growth of the China business is expected.

With growth in all sectors in the economy of Singapore, especially the motor vehicle market, Sime Singapore made sharply higher profits.

Peningkatan tahap keyakinan pengguna, ketersediaan pembiayaan yang lebih luas dan kadar faedah yang rendah telah merangsang keteguhan permintaan untuk unit perumahan baru Kumpulan sepanjang tahun ini yang mencatatkan jualan lebih 2,000 unit. Semakan akhir peruntukan kos membolehkan RM51 juta dimasukkan semula ke dalam akaun, meningkatkan keuntungan ke tahap yang lebih tinggi berbanding pencapaian yang diperolehi pada tahun sebelumnya.

Keuntungan daripada insurans sebanyak RM12 juta adalah bagi tempoh pemilikan sebelum perniagaan ini dijual pada bulan Februari/Mac 2000.

Port Dickson Power Berhad ("PDP") menyumbang sebanyak RM24 juta kepada keuntungan sebelum Kumpulan mengambilalih sebanyak 20% lagi kepentingan ekuiti tambahan pada 31hb Januari 2000, menjadikan ia sebuah syarikat subsidiari 60% milik Kumpulan. Keseluruhan keuntungan sebelum cukai PDP sebanyak RM44 juta telah disatukan ke dalam keputusan Kumpulan sepanjang bulan sebihnya hingga 30 Jun 2000. Syarikat-syarikat kejuruteraan mencapai keuntungan pada tahun ini dan pasukan pengurusan baru telah memperolehi beberapa kontrak baru untuk masa depan. Secara keseluruhan, unit-unit lain dalam Rantau Malaysia menikmati kesan yang memuaskan daripada persekitaran ekonomi yang bertambah baik dan melaporkan keputusan yang bertambah baik.

Pasaran hartanah yang lemah di Hong Kong terus menjejaskan perniagaan di rantau itu. Walaupun menghadapi pasaran yang amat persaingan, operasi Kumpulan masih mampu mencatatkan peningkatan keuntungan. Perdagangan dengan Republik Rakyat China meningkat dan rancangan sudah dirangka untuk mempertingkatkan lagi pertumbuhan perniagaan di China.

Sime Singapore melaporkan peningkatan keuntungan yang ketara berikutan pertumbuhan semua sektor ekonomi di Singapura, terutamanya pasaran kenderaan bermotor.

The lower demand for heavy equipment from the mining sector had caused Hastings Deering to record lower profits. However, with a sound parts and service organisation, the operations are well placed for future profitability.

The Philippines Region's UK subsidiary, Lec Refrigeration, reduced losses in a highly competitive market which was accentuated by a strong UK currency. Productivity increased and further improvements in efficiency and the products to be offered to the market are expected.

Finance

The main items affecting the Group's cash were as follows:

The Group had net cash of RM1,402 million at the beginning of the year. About RM700 million was invested in bonds and RM217 million of bonds were sold at a profit during the year. The purchase of the additional 20% interest in Port Dickson Power Berhad was financed by the proceeds from the sale of the 63.1% interest in Sime AXA Sdn Bhd. The Group ended the year with net cash of RM1,158 million.

Dividends

The Board has recommended a final dividend of 13 sen gross per share less Malaysian tax and 4 sen tax exempt per share, which, with the interim dividend already paid of 5 sen gross per share, makes the total dividend for the year 22 sen gross per share, comprising 18 sen gross less Malaysian tax and 4 sen tax exempt. After tax at 28%, shareholders will receive 12.96 sen plus 4 sen making 16.96 sen per share in total compared to the total dividend of 16 sen tax exempt per share last year, when the Group returned to profitability.

The total dividend to be paid out for the financial year ended 30th June 2000 will be RM394.5 million.

Employees

The Board expresses its thanks to all employees of the Group for contributing to the results for the year.

The employees have shown improved efficiency and productivity, and they have accepted the performance improvement measures.

The Group continues to provide training to an increasing number of employees, mainly at the Human Resources Development Centre in Merlimau. During this year, some 2,500 executives and staff attended the training courses.

Future Prospects

The businesses of the Group and the regional economies are faced with the challenges of globalisation and the impact of the new economy driven by the Internet. The Group is gearing itself to these developments. It will continue to implement its policies of controlling expenses and managing the use of funds effectively. With the return of growth in the Malaysian and Singapore economies, profits for the Group are expected to rise in the coming year, barring unforeseen circumstances.

Pengurangan permintaan peralatan berat daripada sektor perlombongan telah mengakibatkan Hastings Deering melaporkan pengurangan keuntungan. Walau bagaimanapun, dengan organisasi alat ganti dan servis yang mantap, operasi ini berada dalam kedudukan yang memuaskan untuk mencatatkan keuntungan yang lebih baik pada masa depan.

Syarikat subsidiari UK di Rantau Filipina, Lec Refrigeration, mengurangkan kerugiannya di persekitaran pasaran yang amat bersaing yang disukarkan lagi dengan keteguhan matawang UK. Produktiviti telah meningkat dan peningkatan kecekapan dan produk yang bertambah baik adalah dijangka.

Kewangan

Perkara-perkara utama yang mempengaruhi tunai Kumpulan adalah seperti berikut:

Kumpulan mempunyai tunai bersih sebanyak RM1,402 juta pada awal tahun ini. Kira-kira RM700 juta telah dilabur dalam bon dan RM217 juta daripada bon tersebut telah dijual dengan keuntungan pada tahun ini. Pembelian sebanyak 20% lagi kepentingan tambahan dalam Port Dickson Power Berhad telah dibiayai melalui kutipan daripada penjualan 63.1% kepentingan dalam Sime AXA Sdn Bhd. Kumpulan mengakhiri tahun ini dengan tunai bersih sebanyak RM1,158 juta.

Dividen

Lembaga Pengarah mengesyorkan dividen akhir sebanyak 13 sen kasar sesaham tolak cukai Malaysia serta 4 sen dikecualikan cukai sesaham dan dengan dividen pertengahan sebanyak 5 sen kasar sesaham yang sudah dibayar, menjadikan jumlah dividen pada tahun ini 22 sen kasar sesaham, yang meliputi 18 sen kasar tolak cukai Malaysia dan 4 sen dikecualikan cukai. Selepas cukai sebanyak 28%, para pemegang saham akan menerima dividen berjumlah 12.96 sen campur 4 sen menjadikan jumlahnya 16.96 sen sesaham berbanding 16 sen dikecualikan cukai sesaham pada tahun lepas, semasa Kumpulan kembali mencatatkan keuntungan.

Dividen yang akan dibayar bagi tahun kewangan berakhir 30hb Jun 2000 berjumlah RM394.5 juta.

Kakitangan

Lembaga Pengarah ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada semua kakitangan Kumpulan kerana menyumbang kepada pencapaian prestasi yang memuaskan pada tahun ini.

Kakitangan telah menunjukkan kecekapan dan produktiviti yang bertambah baik dan mereka telah menerima langkah-langkah peningkatan prestasi.

Kumpulan terus menyediakan latihan kepada lebih ramai kakitangan, terutamanya di Pusat Pembangunan Sumber Manusia di Merlimau. Pada tahun ini, kira-kira 2,500 orang eksekutif dan kakitangan telah menghadiri berbagai kursus latihan.

Prospek Masa Depan

Perniagaan Kumpulan dan ekonomi serantau menghadapi cabaran globalisasi dan kesan ekonomi baru yang didorong oleh Internet. Kumpulan sedang membuat persiapan untuk menghadapi cabaran-cabaran itu. Ia akan terus melaksanakan dasar-dasar untuk mengawal perbelanjaan dan mengurus penggunaan dana dengan berkesan. Dengan ekonomi Malaysia dan Singapura yang kembali berkembang, keuntungan Kumpulan dijangka meningkat jika tiada sebarang kejadian di luar dugaan berlaku pada tahun akan datang.